

**DISKRIMINASI TERHADAP GOLONGAN  
WANITA DALAM ASPEK EKONOMI  
DAN SOSIAL DI AFGHANISTAN  
(1996-2014)**



**SARIPAH AZMIRAH BINTI LIPSE**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**DISKRIMINASI TERHADAP GOLONGAN  
WANITA DALAM ASPEK EKONOMI  
DAN SOSIAL DI AFGHANISTAN  
(1996-2014)**

**SARIPAH AZMIRAH BINTI LIPSE**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN  
SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

## PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan, ringkasan dan rujukan yang digunakan dalam kajian ini telah saya jelaskan melalui penggunaan sumbernya secara terperinci.

12 Ogos 2022



---

Saripah Azmirah Binti Lipse

BA19110680



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **SARIPAH AZMIRAH BINTI LIPSE**  
NO. MATRIK : **BA19110680**  
TAJUK : **DISKRIMINASI GOLONGAN WANITA DI  
AFGHANISTAN PADA TAHUN 1996 HINGGA 2014**  
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**  
BIDANG : **SEJARAH**

**DISAHKAN OLEH:**

**PENYELIA :**

Dr. Maureen De Silva

**Tandatangan**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T., disini saya ingin mengucapkan rasa bersyukur kerana limpah dan kurnia-Nya memberi taufik hidayah serta kekuatan kepada saya dalam menyiapkan kajian bagi latihan ilmiah ini dengan baik. Sememangnya kajian ini tidak akan selesai tanpa bantuan dan bimbingan daripada beberapa pihak yang sangat membantu dalam saya menyiapkan kajian ini. Pada kesempatan ini juga, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Puan Maureen De Silva yang bertanggungjawab menjadi penyelia saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Saya sangat berterima kasih kepada beliau kerana memberikan bimbingan, dorongan dan teguran yang begitu membina tidak kira sama ada melalui atas talian atau fizikal dalam usaha untuk membantu saya bagi meningkatkan kualiti penulisan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negeri Sabah dan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang turut membantu sepanjang pencarian bahan dan sumber rujukan yang boleh disesuaikan dengan kajian ini.

Seterusnya, sejangkit penghargaan juga turut saya berikan kepada seisi keluarga terutamanya ibu-bapa saya iaitu Lipse Bin Geram dan Baddariah Binti Abd. Salam serta adik beradik saya yang tidak pernah jemu dalam memberikan doa restu, khidmat nasihat, bantuan dan sokongan kepada saya agar mampu untuk sentiasa kuat bagi menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya khususnya Mohd Asyraf Bin Hamdan, Nur Syafiqah Binti Said, Nurlailah Binti Kaharudin dan rakan-rakan seperjuangan yang lain kerana sedikit sebanyak telah membantu saya dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan serumah saya sepanjang berada di kolej iaitu Nur Afiqah Syafira Binti Ramlan, Sukma Binti Warta, Munira Binti Amir, Natra Idayu Binti Rahman dan Farah Eizlyana Binti Ebang yang memberikan semangat dan sokongan dari segi fizikal dan mental terutamanya ketika saya berada dalam keadaan yang tertekan kerana bimbang tidak mampu untuk menyiapkan tesis ini.

Saripah Azmirah Binti Lipse,  
12 Ogos 2022

## ABSTRAK

Kajian ini adalah memberikan tumpuan kepada diskriminasi yang berlaku dalam kalangan golongan wanita di Afghanistan bermula pada tahun 1996 hingga 2014. Permasalahan kajian yang menjadi asas kepada kajian ini adalah berkenaan dengan bentuk diskriminasi ekonomi dan sosial yang mendorong kepada berlakunya krisis kemanusiaan dalam kalangan wanita di Afghanistan. Kedua-dua diskriminasi tersebut dilihat memberikan kesan dalam menjejaskan hak asasi golongan wanita di negara tersebut. Berdasarkan kepada data primer dan sekunder yang diakses daripada pelbagai sumber, kajian ini mendapati bahawa diskriminasi yang berlaku dalam kalangan wanita adalah bertitik-tolak daripada penaklukan rezim Taliban ke atas ibu kota Afghanistan yang membawa kepada diskriminasi dari segi hak pekerjaan, pendidikan, kesihatan, pergerakan bebas dan berlakunya keganasan serta penganiayaan terhadap golongan wanita di Afghanistan. Kajian ini turut mendapati bahawa golongan wanita memperoleh kesan yang sangat mendalam khususnya dari segi peluang pekerjaan, sumber pendapatan, kebebasan bergerak serta menghadapi masalah fizikal, mental dan seksual sepanjang berada di bawah pemerintahan regim tersebut.

**Kata Kunci: Diskriminasi, Afghanistan, Taliban, Ekonomi, Sosial**



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ***ABSTRACT***

### **DISCRIMINATION AGAINST WOMEN IN ECONOMIC AND SOCIAL ASPECTS IN AFGHANISTAN FROM 1996 UNTIL 2014**

This study focuses on the discrimination that happens among women in Afghanistan from 1996 until 2014. The main research question focuses on the discrimination in terms of economy and society that lead to the humanitarian crisis among women in Afghanistan. Both the discrimination have been given affecting to the fundamental rights of women in that country. Based on the primary and secondary data that have been acquired from many types of resources, this research found that the discrimination that happens among women starting from the conquest of the Taliban regime in the capital of Afghanistan leads to discrimination in terms of the right of employment, education, health, free movement, and the occurrence of violation and persecution among women in Afghanistan. Besides that, this research found that women in Afghanistan have a profound impact, especially in terms of employment opportunities, sources of income, and freedom of movement including physical, mental, and sexual problems during their under the regime control.

***Keywords: Discrimination, Afghanistan, Taliban, Economy, Social***



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	-
<b>PENGAKUAN</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b><i>ABSTRACT</i></b>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI PETA</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	3
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Metodologi Kajian (Kaedah dan Bahan Kajian)	11
1.8 Pembahagian Bab	13
1.9 Kesimpulan	15
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG DEMOGRAFI PENDUDUK DAN KEDUDUKAN WANITA DALAM KONTEKS MASYARAKAT DI NEGARA AFGANISTAN</b>	<b>17</b>
2.1 Pengenalan	17
2.2 Latar Belakang Negara dan Demografi Penduduk di Afghanistan	17
2.3 Pembangunan dan Pemerintahan rezim Taliban di Afghanistan (1996-2001)	26
2.4 Kedudukan dan Status Golongan Wanita di Afghanistan	



	(1996-2014)	32
2.5	Kesimpulan	35
<b>BAB 3:</b>	<b>DISKRIMINASI EKONOMI DAN KESANNYA TERHADAP GOLONGAN WANITA AFGHANISTAN</b>	<b>37</b>
3.1	Pengenalan	37
3.2	Bentuk Diskriminasi Ekonom yang Berlaku Terhadap Golongan Wanita Afghanistan	37
3.2.1	Hak Buruh Golongan Wanita dan Kanak-Kanak	37
3.2.2	Peluang Pekerjaan	38
3.2.3	Sekatan Pekerjaan	42
3.2.4	Hak Pemilikan Harta dan Tanah	46
3.2.5	Penglibatan dalam Perniagaan	48
3.3	Kesan Diskriminasi Ekonomi yang Berlaku Terhadap Golongan Wanita di Afghanistan	50
3.3.1	Peningkatan Kadar Pengangguran	50
3.3.2	Kos Sara Hidup yang Tinggi	52
3.3.3	Kekurangan Tenaga Kerja	54
3.3.4	Masalah Pelarian	55
3.4	Kesimpulan	58
<b>BAB 4:</b>	<b>DISKRIMINASI SOSIAL DAN KESAN TERHADAP GOLONGAN WANITA DI AFGHANISTAN</b>	<b>60</b>
4.1	Pengenalan	60
4.2	Bentuk Diskriminasi Sosial dalam Kalangan Wanita di Afghanistan 1996-2014	60
4.2.1	Sekatan Pendidikan	61
4.2.2	Hak Kesihatan	67
4.2.3	Hak Kebebasan Menjalani Kehidupan Sehari-hari	69
4.2.4	Keganasan dan Penganiayaan Terhadap Wanita	73
4.3	Kesan Diskriminasi Terhadap Golongan Wanita dari Segi Sosial pada tahun 1996-2014	76
4.3.1	Akses Pendidikan	76
4.3.2	Akses Kesihatan	81
4.3.3	Mengehadkan Pergerakan Wanita di Ruang Awam	83
4.4.4	Menjejaskan Kesejahteraan dan Kehidupan	

	Golongan Wanita	85
4.5	Kesimpulan	86
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>		<b>88</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>95</b>



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

	<b>Halaman</b>
Peta 2.1: Kedudukan Ibu Kota & Wilayah lain di Afghanistan	18



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 4.1: Statistik Pendaftaran Pelajar di Afghanistan pada tahun 2002 hingga 2012	66



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GAMBAR

	<b>Halaman</b>
Gambar 2.2: Mullah Mohammad Omar (Pemimpin Gerakan Taliban 1994-2001)	29
Gambar 3.1: Rezim Taliban yang mengawasi pergerakan wanita di Afghanistan	45
Gambar 3.2: Wanita sedang berada di pusat latihan jahitan di Kabul	49
Gambar 3.3: Wanita dan anak yang sedang mengemis di jambatan yang terletak di kawasan Ghazni, Afghanistan	53
Gambar 3.4: Sebahagian golongan wanita yang melakukan penghijrahan Sebagai pelarian ke negara jiran	56
Gambar 4.1: Kanak-kanak perempuan yang berumur lapan tahun diasingkan daripada kanak-kanak lelaki yang bersekolah di Kandahar, Afghanistan	63
Gambar 4.2: Golongan Wanita yang menutup seluruh anggota badan dengan memakai "Burqa" di Afghanistan	70
Gambar 4.3: Pelajar perempuan yang mendapatkan pendidikan melalui sekolah-sekolah persendirian di rumah	78

## SENARAI SINGKATAN

<i>CARE</i>	<i>Coordinator for Afghan Relocation Efforts</i>
<i>IPT</i>	<i>Institusi Pendidikan Tinggi</i>
<i>HRW</i>	<i>Human Rights Watch</i>
<i>PIRS</i>	<i>Parliamentary Information and Research Service</i>
<i>PBB</i>	<i>Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu</i>
<i>PHR</i>	<i>Physicians for Human Rights</i>
<i>UNDP</i>	<i>United Nations Development Programme</i>
<i>US</i>	<i>United States</i>
<i>UN</i>	<i>United Nations</i>
<i>UNAMA</i>	<i>United Nations Assistance Mission in Afghanistan</i>
<i>UNODC</i>	<i>United Nations Office on Drugs and Crime</i>
<i>NRVA</i>	<i>National Risk and Vulnerability Assessment Survey</i>
<i>NRC</i>	<i>Norwegian Refugee Council</i>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan

Diskriminasi dikonsepsikan sebagai sebuah tindakan yang mendorong kepada bentuk serta perlakuan yang melanggar hak asasi manusia iaitu perlakuan ke atas individu dalam keadaan yang membezakan ianya dalam pelbagai faktor ras, agama atau gender dalam sesebuah kelompok masyarakat.<sup>1</sup> Diskriminasi terhadap golongan wanita adalah termasuk dalam kekerasan yang berasaskan gender iaitu kekerasan atau ketidakadilan yang diletakkan secara langsung ke atas golongan wanita yang menimbulkan pelbagai kesan negatif terhadap golongan tersebut sama ada dari segi fizikal, mental, emosi serta merampas kebebasan mereka. Afghanistan merupakan salah satu negara daripada beberapa buah negara yang terkenal dengan masalah diskriminasi terhadap golongan wanita yang bermula pada tahun 1996 sehingga 2014.<sup>2</sup>

Dalam hal ini, Afghanistan menjadi salah satu tumpuan diskriminasi yang menjadi penderitaan kepada golongan wanita sehingga mengakibatkan negara tersebut berdepan dengan isu yang menunjukkan bahawa golongan wanita merupakan korban tertinggi dalam krisis kemanusiaan yang berlaku di negara tersebut.<sup>3</sup> Perkara tersebut berlaku disebabkan oleh tindakan pemerintah negara Afghanistan itu sendiri yang gagal dalam memastikan hak-hak golongan wanita negara tersebut berada dalam perlindungan. Ianya boleh dibuktikan apabila wujudnya apabila golongan wanita di Afghanistan meletakkan diri mereka berada dalam diskriminasi kerana kekerasan serta rasa terbatas yang wujud dalam diri

---

<sup>1</sup> Ihromi, T.O (Ed), *Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita*, Bandung: Alumni, 2007, hlm. 7.

<sup>2</sup> Catherine Powell, *Women and Girls in the Afghanistan Transition*, Council on Foreign Relations, June 2014, hlm. 3-6.

<sup>3</sup> Fitrah Awaliyah Rumadaul, Peran United Nations Women Dalam Menanggulangi Diskriminasi Terhadap Perempuan Di Afghanistan, *Global Political Studies Journal*, Vol. 1 (1), April 2017, hlm. 64.

mereka sehingga tidak mampu untuk memperbaiki kehidupan pada ketika itu. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menganalisis tentang diskriminasi yang berlaku terhadap golongan wanita di Afghanistan dengan meletakkan pengkhususan kepada isu ekonomi dan sosial yang ianya turut memberikan kesan yang begitu besar sekaligus mempengaruhi kehidupan seharian golongan wanita di Afghanistan sepanjang tahun 1996 sehingga tahun 2014. Justeru itu, perkara ini adalah penting untuk difahami agar dapat dijadikan sebagai satu titik permulaan dalam memahami isu tentang diskriminasi terhadap golongan wanita di dunia khususnya negara Afghanistan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Secara umumnya, persoalan berkenaan dengan gender khususnya wanita adalah sangat hangat dipersoalkan dan menjadi buah mulut sekaligus perbincangan dalam kalangan masyarakat setempat di peringkat antarabangsa. Seiring dengan arus perkembangan zaman, ianya telah mengakibatkan wujudnya isu yang menarik perhatian dunia iaitu berkenaan dengan persoalan golongan wanita yang dibelenggu dengan masalah diskriminasi iaitu menjadi korban utama daripada peristiwa yang berlaku di negara-negara tertentu. Dalam hal ini, persoalan yang dikaitkan dengan golongan wanita adalah semakin kurang dititikberatkan sekaligus kesedaran yang agak rendah berkenaan dengan nasib dan hak bagi golongan wanita di peringkat global. Menurut Muchdi (2001), beliau menyatakan bahawa diskriminasi gender ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk ketidakadilan khususnya kepada golongan wanita iaitu seperti stereotaip, marginalisasi (peminggiran), kekerasan dan sebagainya.<sup>4</sup>

Perkara ini kerana, permasalahan yang dikaitkan dengan golongan wanita sering berlaku di beberapa buah negara seperti di Mexico, Iran, Amerika Syarikat, Afghanistan. Sehubungan dengan itu, negara Afghanistan merupakan salah satu negara yang meletakkan angka korban wanita yang tinggi dalam krisis kemanusiaan yang mana ianya melibatkan kepada masalah diskriminasi yang menjadi masalah dan isu dalam negara tersebut. Sehubungan dengan itu, keterbatasan golongan wanita di Afganistan boleh dilihat khususnya dari segi

---

<sup>4</sup> Linda Unsriana, Diskriminasi Gender Dalam Novel Ginko Karya Junichi Watanabe, *Journal Lingua Cultural*, Vol. 8, No.1, May 2014, hlm. 42



kesihatan, pekerjaan, pendidikan dan sebagainya termasuklah kekerasan yang berlaku ke atas mereka sehingga menyebabkan golongan tersebut mengalami diskriminasi secara tidak langsung dan sukar untuk memperbaiki kehidupan pada masa akan datang yang dilihat semakin terancam.<sup>5</sup>

Seterusnya, kajian berkenaan dengan isu yang memfokuskan kepada diskriminasi terhadap golongan wanita di negara berkaitan iaitu Afghanistan ini jarang dikaji oleh para pengkaji di luar sana khususnya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Situasi ini berkemungkinan besar didorong oleh isu hak wanita yang memperlihatkan diskriminasi dalam kalangan golongan tersebut terhadap negara-negara besar seperti New Zealand, Pakistan, Syria, Korea Selatan dan sebagainya. Terdapat beberapa buah negara yang hanya tertumpu kepada keterbatasan dan sekatan hak wanita yang mempunyai pelbagai versi dan tafsiran daripada para pengkaji yang mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan dengan subjek kajian tersebut. Misalnya, kita boleh melihat isu diskriminasi di negara-negara lain seperti Syria yang menekankan tentang bentuk diskriminasi dalam bidang politik yang mana ianya boleh diperkukuhkan lagi dengan memilih subjek negara lain seperti Afghanistan untuk memfokuskan kepada bidang ekonomi dan sosial yang mana ianya berada di bawah diskriminasi yang sama iaitu terhadap golongan wanita pada peringkat global.<sup>6</sup>

Perkara ini boleh dilihat daripada latar belakang Taliban yang menjadi salah satu punca utama yang meletakkan diskriminasi ke atas golongan wanita terhadap aspek sosial dan ekonomi. Hal ini kerana, kuasa Taliban yang pernah menjadi pemerintah di Afghanistan sekaligus dikenali sebagai organisasi ketenteraan yang melaksanakan pemerintahan secara kejam khususnya terhadap golongan wanita di Afghanistan. rezim Taliban melakukan pelbagai sekatan ke atas golongan wanita iaitu tidak membenarkan wanita terlibat dalam mana-mana aktiviti ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, penguatkuasaan dasar dan diskriminasi pihak tersebut secara tidak langsung menafikan telah memperlihatkan penafian ke atas hak wanita dalam

---

<sup>5</sup> Amnesty International, *Afghanistan: Women's Rights Must Not be Compromised in Peace Process*. 24 November 2020, <https://www.amnesty.org/en/latest/press-release/2020/11/afghanistan-womens-rights-must-not-be-compromised-in-peace-process/>. Pada 25 Oktober 2021.

<sup>6</sup> 19A: The Brookings Gender Equality Series, September 2020, *The Fate of Women's Rights in Afghanistan*, John R. Allen and Vanda Felbab-Brown. <https://www.brookings.edu/essay/the-fate-of-womens-rights-in-afghanistan/>. Diakses pada 25 Oktober 2021.

mendapatkan pendidikan dan penjagaan kesihatan termasuklah dikenakan hukuman yang berat dan tidak seimbang walaupun golongan tersebut hanya melakukan kesalahan kecil.<sup>7</sup> Permasalahan utama yang akan dibahas dalam penulisan latihan ilmiah ini adalah berkenaan dengan diskriminasi yang berlaku ke atas masyarakat Afghanistan iaitu golongan wanita khususnya dari segi sosial dan ekonomi.

Bagi menjawab permasalahan kajian ini, beberapa persoalan yang diusulkan adalah:

- i. Bagaimanakah latar belakang demografi penduduk di Afghanistan dan keadaan kedudukan wanita dalam konteks masyarakat di Afghanistan?
- ii. Apakah bentuk-bentuk diskriminasi yang berlaku ke atas wanita di Afghanistan khususnya dari aspek ekonomi dan sosial?
- iii. Apakah kesan daripada diskriminasi yang berlaku terhadap golongan wanita di Afghanistan?

### **1.3 Objektif Kajian**

Berikut merupakan objektif kajian yang telah ditetapkan agar kajian dapat dijalankan berdasarkan kepada matlamat kajian:

1. Menjelaskan latar belakang demografi penduduk di Afghanistan dan kedudukan wanita dalam konteks masyarakat di Afghanistan.
2. Menganalisis bentuk-bentuk diskriminasi khususnya dari aspek ekonomi dan sosial yang berlaku terhadap golongan wanita di Afghanistan bermula pada tahun 1996 sehingga 2014.
3. Menilai kesan daripada diskriminasi wanita terhadap golongan tersebut di Afghanistan.

### **1.4 Sorotan Literatur**

Isu berkenaan dengan golongan wanita yang berhadapan dengan masalah diskriminasi di Afghanistan telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian bagi mengetahui dengan lebih teliti dan terperinci berdasarkan kepada persoalan-

---

<sup>7</sup> Amnesty International, *Amnesty International Public Statement*, 24 May 2021, <https://www.amnesty.org/en/location/asia-and-the-pacific/south-asia/afghanistan/report-afghanistan/>. Diakses pada 25 oktober 2021

persoalan yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji untuk membantu dalam menjalankan kajian iaitu dengan meletakkan pembahagian sorotan kajian berdasarkan tema atau fokus kajian bagi memenuhi keperluan dalam objektif kajian yang akan dicapai oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah membahagikan tema kepada tiga iaitu membahaskan tentang demografi penduduk sekaligus kedudukan golongan wanita di Afghanistan, bentuk-bentuk diskriminasi dari segi ekonomi dan sosial yang berlaku terhadap golongan wanita serta kesan daripada diskriminasi terhadap golongan tersebut dari tahun 1996 sehingga tahun 2004.

Penulisan berkenaan dengan latar belakang masyarakat Afghanistan mula mendapat perhatian khususnya dalam kalangan penulis yang melakukan penyelidikan berkenaan dengan diskriminasi yang berlaku di Afghanistan. Secara umumnya, Afghanistan dilihat sebagai sebuah negara yang dilihat meletakkan kepadatan penduduk yang tinggi iaitu kadar pertumbuhan golongan lelaki yang maksimum seimbang dengan kadar pertumbuhan golongan wanita pada ketika itu. Kebanyakannya adalah terdiri daripada demografi penduduk di Afghanistan boleh dilihat berdasarkan kepada piramid kependudukan yang mana golongan lelaki adalah banyak berbanding dengan golongan lelaki. Perkara ini juga disokong melalui artikel jurnal yang ditulis oleh Samia El-badry and David A. Swanson yang bertajuk "*Population, the status of women and stability in Afghanistan*" iaitu keadaan demografi yang dihadapi oleh negara Afghanistan yang menjadikan negara tersebut sebagai salah satu negara dengan kadar kelahiran yang tinggi selama bertahun-tahun dimana purata kelahiran serta kematian yang tinggi berbanding dengan negara-negara lain.

Seterusnya, sebelum kebangkitan rezim Taliban, golongan wanita di Afghanistan adalah berada di bawah perlindungan undang-undang dan mempunyai hak yang samarat dalam kalangan masyarakat di Afghanistan. Dalam hal ini, mereka memperlihatkan beberapa sumbangan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan negara sepertimana yang boleh dilihat pada tahun 1990 hampir 70% golongan wanita bekerja sebagai guru, lima peratus sebagai penjawat awam manakala 44% adalah berkhidmat sebagai doktor yang terdiri daripada golongan

wanita.<sup>8</sup> Golongan tersebut yang pada mulanya memiliki kebebasan dalam melakukan sesuatu perkara termasuk untuk meneruskan kerjaya mereka kini dikenakan hukuman yang keras oleh rezim Taliban yang mula berkuatkuasa pada tahun 1996. Hal ini kerana, rezim tersebut mengeluarkan dasar pemerintahan yang menyentuh berkenaan dengan tindakan mereka menyekat kebebasan golongan tersebut adalah untuk kepentingan wanita itu sendiri walaupun kebenarannya adalah untuk meletakkan diskriminasi ke atas golongan wanita pada ketika itu.

Dalam hal ini, masalah peperangan dan isu rezim Taliban telah memperlihatkan kekerasan yang paling buruk semasa pemerintahannya terhadap golongan wanita sehingga meletakkan kedudukan golongan tersebut berada pada kedudukan yang sangat rendah dalam kalangan masyarakat di Afghanistan. Dalam hal ini, kedudukan golongan wanita adalah tidak dititikberatkan oleh pihak yang berkuatkuasa pada ketika itu. Perkara ini boleh dilihat melalui laporan yang ditulis oleh Ahmad Khan yang bertajuk "*Women & Gender in Afghanistan*" yang menyatakan tentang status golongan wanita yang dilihat telah terjejas semasa era pemerintahan pihak Soviet di Afghanistan sepertimana yang dilaporkan oleh *Parliamentary Information and Research Service (PIRS)* di bawah kerajaan daripada negara Kanada.

Sehubungan dengan itu, Perang Saudara dan tindakan rezim pemerintahan Taliban yang berlaku pada tahun 1990-an turut mendorong kepada keadaan golongan wanita yang semakin bertambah buruk dan terjejas.<sup>9</sup> Hal ini kerana, golongan wanita tidak dibenarkan untuk melakukan kerja di luar rumah serta tidak dibenarkan menjalankan kegiatan sosial seharian. Perkara ini memperlihatkan bagaimana tahap kedudukan wanita yang semakin rendah dan jatuh berbanding dengan tahap kedudukan lelaki pada ketika itu. Dalam hal ini, golongan wanita memastikan tiada sebarang bentuk diskriminasi yang menjadi faktor dalam wujudnya masalah ketiakseimbangan status dan peluang pekerjaan dalam kalangan golongan tersebut.

---

<sup>8</sup> Major Sangeeta Tomar, Human Rights Concern and Condition of Women in Afghanistan, *India Quarterly*, Vol. 58, No. 1, 2002, hlm. 153.

<sup>9</sup> Ahmad Khan, Women & Gender in Afghanistan, *Afghanistan Resources Desk: Women & Gender*, 2012, hlm. 1.

Seterusnya, isu berkenaan dengan bentuk-bentuk diskriminasi khususnya dari aspek ekonomi dan sosial yang berlaku terhadap golongan wanita di Afghanistan bermula pada tahun 1996 sehingga 2014 boleh dilihat daripada beberapa perdebatan penyelidik melalui beberapa artikel jurnal yang membahaskan tentang bentuk diskriminasi yang berlaku ke atas golongan wanita di Afghanistan. Diskriminasi ke atas golongan wanita boleh dibahagikan kepada aspek sosial dan ekonomi yang mana kedua-dua aspek itu meletakkan perkara yang penting dan ketara dalam isu diskriminasi yang berlaku terhadap golongan tersebut. Diskriminasi dalam bidang sosial adalah terbahagi kepada bentuk kesihatan dan pendidikan termasuklah kekerasan yang berlaku terhadap golongan tersebut manakala ekonomi pula ada dikaitkan dengan peluang pekerjaan yang mana golongan wanita tidak memperoleh peluang dalam memperbaiki taraf hidup iaitu bekerja yang mana ianya mampu meningkatkan kedudukan wanita sepertimana kehidupan golongan wanita di negara luar.<sup>10</sup> Perkara ini boleh dibahaskan melalui artikel yang ditulis oleh Parwiz Mosamim, Ida Widiningsih dan Oekan S. Abdoellah yang bertajuk "*Positive Discrimination Action and Women's Participation In Public Service In Afghanistan: Searching The Impacts and Effectiveness*".

Berdasarkan kepada artikel jurnal tersebut, penulis menyatakan bahawa sepanjang pemerintahan rezim Taliban yang dipanggil sebagai sejarah hitam dalam kerajaan di Afghanistan yang mana rezim tersebut tidak membenarkan golongan wanita untuk mendapat akses pendidikan dan memperoleh kerjaya yang profesional. Perkara ini jelas memperlihatkan tentang golongan wanita yang mengalami diskriminasi dari segi sosial iaitu penyertaan mereka dalam perkhidmatan yang mencatatkan peratus sifar pada tahun bermulanya pemerintahan rezim Taliban. Bentuk diskriminasi dari segi pendidikan juga boleh dilihat melalui artikel jurnal yang bertajuk "*Women in Afghanistan: Their Role in The Political Future*" ditulis oleh C Sheela Reddy yang menyatakan berkenaan dengan peranan golongan wanita khususnya dari segi pendidikan yang mana ianya menjadi isu diskriminasi terhadap golongan tersebut di Afghanistan. Sehubungan dengan itu, terdapat jurang perbezaan pendidikan antara golongan wanita yang terdapat di kawasan bandar dan luar bandar. Perkara ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor tertentu yang menjadi kekangan utama dalam akses ke sekolah

---

<sup>10</sup> Fitrah Awaliyah Rumadaul, Peran United Nations Dalam Menangguli Diskriminasi Terhadap Perempuan di Afghanistan, *Global Political Studies Journal*, Vol. 1, No.1, 2017, hlm. 70.

terumanya bagi kanak-kanak perempuan iaitu kekurangan kemudahan persekolahan dan keadaan guru wanita yang tidak selamat termasuk tanggapan budaya yang menyatakan bahawa pendidikan adalah tidak penting dan berbahaya kepada golongan wanita di Afghanistan.<sup>11</sup>

Selain itu, bentuk diskriminasi dari segi kesihatan pula dikaitkan dengan tahap penjagaan kesihatan yang rendah akibat daripada kesan peperangan dan rezim pemerintahan baharu telah meletakkan keadaan kesihatan di Afghanistan terjejas khususnya terhadap golongan wanita. Perkara ini boleh dilihat melalui artikel yang ditulis oleh Carol J. Riphenburg bertajuk "*Post-Taliban Afghanistan: Changed Outlook for Women?*" yang menegaskan tentang keadaan pesakit yang terdiri daripada golongan wanita yang menjadi fokus utama untuk diabaikan akibat daripada kekurangan peralatan dan peruntukan yang diperlukan dalam penjagaan yang minimum ke atas mereka. Ianya menjadi semakin apabila pakar perubatan menyatakan gambaran berkenaan dengan kesihatan wanita dan kanak-kanak di Afghanistan yang semakin terancam dan tidak dititikberatkan sehingga membawa kepada kematian yang tertinggi di dunia. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kemerosotan pendidikan perubatan yang berada di bawah pemerintahan rezim Taliban yang menyekat pendidikan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan sekaligus melucutkan kelayakan mereka memasuki latihan perubatan di Afghanistan.<sup>12</sup>

Dalam melakukan penelitian berkaitan kesan daripada diskriminasi terhadap golongan wanita di Afghanistan ini juga turut mendapat sambutan daripada beberapa orang penyelidik terdahulu yang melakukan penulisan artikel berkenaan dengan isi ini. Diskriminasi terhadap golongan wanita yang berlaku di Afganistan telah meletakkan beberapa kesan khususnya terhadap kehidupan seharian golongan tersebut. Ianya boleh dilihat daripada beberapa aspek yang terdiri daripada aspek sosial iaitu masalah pendidikan, kesihatan sekaligus kesan yang melibatkan bidang pekerjaan golongan tersebut. Dalam hal ini, kedudukan golongan wanita dalam memperoleh kemudahan-kemudahan serta mengambil

---

<sup>11</sup>C. Sheela Reddy, Women in Afghanistan: Their Role in The Political Future, *World Affairs: The Journal of International Issues*, Vol. 18, No. 2, 2014, hlm. 127.

<sup>12</sup> Carol J. Riphenburg, Post-Taliban Afghanistan: Changed Outlook for Women, *Asian Survey*, Vol. 44 (3), 2004, hlm. 415, <https://doi.org/10.1525/as.2004.44.3.401>. Diakses pada 25 Oktober 2021.

peranan dalam bidang tersebut adalah sangat terbatas sepertimana yang dibahaskan dalam jurnal yang bertajuk "*A History of Women in Afghanistan: Lessons Learn for the Future or Yesterday and Tomorrow: Women in Afghanistan*" ditulis oleh Huma Ahmed-Ghosh iaitu berkenaan dengan berlakunya perubahan yang besar khususnya dari segi sosial dalam kehidupan seharian golongan wanita iaitu melalui pemantauan dan kawalan tingkah laku wanita oleh rezim Taliban pada tahun 1996. Perkara ini secara tidak langsung meletakkan salah satu kesan ke atas golongan tersebut kerana tidak mampu untuk bergerak bebas dalam menjalani kehidupan seharian mereka pada ketika itu.

Kesan seterusnya ialah dari segi pendidikan dan kesihatan yang mana dasar yang diperkenalkan oleh rezim Taliban telah meletakkan sekatan ke atas golongan wanita untuk menceburkan diri dalam bidang tersebut. Pendidikan kanak-kanak perempuan telah digantung dan wanita dinafikan hak untuk mendapatkan pekerjaan yang secara tidak langsung memberikan kesan kepada masalah keciciran dan buta huruf manakala kesihatan pula berlakunya masalah kematian semasa melahirkan akibat daripada kekurangan dari segi kemudahan dan pengasingan terhadap pesakit golongan wanita di hospital. Sorotan yang boleh dicapai untuk menjawab objektif ketiga ini adalah berdasarkan kepada artikel yang ditulis oleh Shannon A. Middleton iaitu "*Women's Rights Unveiled: Taliban's Treatment of Women in Afghanistan*". Penulis menyatakan berkenaan dengan dasar dan peraturan yang dijalankan oleh rezim Taliban telah menjejaskan mental khususnya dalam kalangan wanita dan kanak-kanak perempuan di negara tersebut.

Diskriminasi juga telah menyebabkan maruah diri golongan wanita Afghanistan yang tercemar kerana terpaksa berdepan dengan paksaan untuk mengemis, melakukan pelacuran dan menyembunyikan serangan seksual yang dilakukan ke atas mereka. Dasar yang diperkenalkan oleh rezim ini meletakkan penguatkuasaan bahawa wanita yang tidak mematuhi peraturan akan dipukul secara terbuka di negara tersebut.<sup>13</sup> Golongan wanita mengalami masalah penderitaan dalam menjalani kehidupan sehingga mendorong kepada wujudnya krisis kemanusiaan di negara tersebut. Perkara ini boleh dilihat apabila negara Afghanistan dicatatkan sebagai salah satu negara yang mengalami masalah krisis wanita yang berada dalam tahap keadaan berbahaya yang semakin berpanjangan

---

<sup>13</sup> *Crisis Group Asia Report N'252, Women and Conflict in Afghanistan, 2013, hlm. 5*

sehingga sukar untuk dibendung pada ketika itu. Ianya disokong melalui penulisan beberapa orang penulis iaitu Cheryl Benard, Seth G. Jones dan beberapa orang penulis dalam jurnal yang bertajuk "*The Security Dimension and Women*" menyatakan berkenaan dengan golongan wanita yang menjadi sasaran utama keganasan jenayah yang menyebabkan kecederaan mahupun penderitaan fizikal, seksual atau psikologi. Ianya telah memberikan kesan yang negatif ke atas kehidupan golongan wanita di Afghanistan pada ketika itu.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini boleh dilihat sebagai salah satu pencetus untuk menarik perhatian para pembaca khususnya terhadap golongan wanita diluar sana berkenaan dengan masalah diskriminasi yang berlaku terhadap golongan wanita di kawasan Asia Selatan iaitu negara Afghanistan. Hal ini adalah penting untuk memberikan penekanan tentang isu diskriminasi yang didasari dengan latar belakang demografi negara Afghanistan sekaligus memperlihatkan tahap kedudukan golongan wanita di negara tersebut. Dalam hal ini, kajian adalah penting bagi memberikan penjelasan kepada generasi muda berkenaan dengan wujudnya ketidakseimbangan kedudukan antara golongan wanita dengan golongan lelaki sehingga memperlihatkan masalah diskriminasi dalam situasi tersebut. Ianya juga penting untuk menambahkan lagi pengetahuan pengkaji tentang isu diskriminasi golongan wanita di Afghanistan iaitu berdasarkan kepada limitasi tahun daripada 1996 sehingga tahun 2014.

Seterusnya, kajian ini juga adalah penting dalam memberikan pendedahan kepada pengkaji sendiri agar mampu menambahkan lagi dokumentari berkenaan dengan isu hak wanita yang dikaitkan dengan diskriminasi terhadap golongan tersebut. Ianya boleh dilihat melalui bentuk-bentuk diskriminasi tidak kira sama ada ianya dari segi ekonomi atau sosial termasuk dalam membuka mata dunia untuk memberikan perhatian terhadap isu tersebut kerana ianya mampu memberikan kesan yang negatif ke atas golongan wanita khususnya di Afghanistan. Perkara ini secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi kefahaman para pembaca berkenaan dengan isu hak wanita seharusnya dipelihara namun berdepan dengan konflik diskriminasi yang mampu menjejaskan kedudukan wanita pada suatu ketika dahulu. Tambahan pula, hasil kajian kajian yang diketengahkan oleh pengkaji adalah berbeza dengan hasil kajian pengkaji lain yang sedia ada kerana pengkaji